

TEKS UCAPAN

YB HANNAH YEOH

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH
UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN
AGONG**

**DI DEWAN NEGARA BAGI
MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

4 SEPTEMBER 2018

(SELASA)

MUKADIMAH

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli YB Senator yang terlibat dalam sesi Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebanyak 29 isu merangkumi pelbagai persoalan melibatkan kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat telah dibangkitkan.
2. Disebabkan hampir setiap minggu kita berhadapan dengan kes-kes pencabulan ke atas hak kanak-kanak, maka isu kebajikan kanak-kanak kini menjadi salah satu keutamaan Kementerian. Kanak-kanak tidak dapat bersuara menerusi apa-apa medium seperti orang dewasa dan Kementerian akan menjadi suara kepada kanak-kanak ini.

**ISU ORANG
KURANG UPAYA
(OKU)**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Insurans Khas

3. Untuk makluman **YB Senator Puan Bathmavathi**, Kementerian menyambut baik syor untuk mewujudkan skim insurans khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan berpandukan *National Disability Insurance Scheme* oleh Australia.

4. Buat masa ini, terdapat beberapa skim perlindungan insurans untuk OKU di pasaran Malaysia iaitu Allianz Insurans dan Agro Bank. Insurans ini ditawarkan kepada OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Namun begitu, sambutan kepada pemilikan insurans yang ditawarkan adalah rendah. Insurans ini memberi perlindungan kepada OKU yang boleh mengurus diri.

[MAKLUMAT TAMBAHAN:]

Jumlah Pendaftaran: 474,579 orang OKU

Bagi meringankan beban kewangan kepada OKU, pada tahun 2018 sehingga Jun, Kementerian melalui JKM telah menyalurkan bantuan berikut:

- i. Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM400 sebulan kepada 79,516 orang OKU dengan peruntukan sebanyak RM220.4 juta;*
 - ii. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM350 sebulan bagi yang menjaga seorang OKU/pesakit kepada 25,305 orang penjaga yang melibatkan peruntukan sebanyak RM63.8 juta;*
 - iii. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM250 sebulan kepada 61,109 orang OKU dengan peruntukan sebanyak RM102.2 juta.*
5. Untuk makluman, skim insurans sosial merupakan salah satu elemen di bawah Sistem Perlindungan Sosial (SPS). SPS merupakan sebuah sistem yang melindungi isi rumah miskin dan mudah jejas termasuk OKU. Perkara ini dibincangkan di bawah Majlis Perlindungan Sosial (MySPC) yang kini diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
6. Kementerian akan membawa syor untuk mewujudkan skim insurans khas OKU ke dalam Majlis Perlindungan Sosial kelak.

Kaji Semula Perkhidmatan Bantuan Berdasarkan Tahap Ketidakupayaan

7. Selain itu, Kementerian turut menyambut baik syor **YB Senator** untuk mengkaji semula perkhidmatan bantuan OKU berdasarkan tahap kritikal dan ketidakupayaan seseorang OKU. Cadangan ini dilihat akan memanfaatkan OKU dengan pengurangan *inclusion and exclusion errors* dan lebih tersasar. Perkara ini akan dibawa Kementerian ke dalam Jawatankuasa Pendaftaran OKU setelah mendapatkan pandangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu OKU.

Kaji Semula ISM Sebagai Pusat Kajian Dasar-dasar Kerajaan terutamanya OKU

8. **YB Senator Puan Bathmavathi**, pada masa ini, Kementerian sedang meneliti kesesuaian beberapa cadangan rasionalisasi Institut Sosial Malaysia (ISM) bagi memperluaskan skop perkhidmatannya, bukan sahaja sebagai pusat latihan kompetensi dalam bidang sosial tetapi juga sebagai pusat kajian dasar-dasar Kerajaan berkaitan kesemua kumpulan sasar Kementerian terutamanya OKU. Selaras dengan Janji 51 dalam Buku Harapan berhubung perkara ini, Kementerian melalui ISM telah mengadakan dua siri perbincangan awal bersama pegawai

KPWKM dengan agensi-agensinya. Perbincangan seterusnya akan diadakan melalui dua siri bengkel iaitu dalam kalangan:

- a. NGO berkaitan OKU, aktivis OKU dan pelbagai pihak bukan kerajaan yang lain; dan
 - b. Kementerian/agensi Kerajaan, universiti dan pihak-pihak lain yang berkaitan OKU bagi mendapatkan sebanyak mungkin input mengenai jurang kepada dasar-dasar berkaitan OKU.
9. Dari segi jangka panjang, Kementerian juga sedang mengkaji kesesuaian rasionalisasi ISM ini dengan mengambil kira analisis *foresight* bagi memastikan fungsi ISM kekal relevan. Apabila kesemua fungsi ini telah diteliti sewajarnya, maka kesesuaian ISM sebagai sebuah institusi bebas atau bernaung di bawah mana-mana agensi Kerajaan akan turut dimuktamadkan.

Wujudkan *Parliament Select Committee* Khas untuk Kaji Isu OKU

Kementerian ini mengalu-alukan cadangan mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas (*Parliament Select Committee*) untuk mengkaji isu OKU. Namun begitu, ia tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Parlimen Malaysia.

ISU TASKA

Tuan Yang di-Pertua,

10. Untuk makluman **Ahli-ahli YB Senator** yang membangkitkan isu berkenaan TASKA, perkara ini telah pun saya jawab semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan bagi Jawab Lisan dalam Dewan ini pada 28 Ogos 2018. Saya telah menerangkan tentang usaha Kementerian untuk menggalakkan majikan menyediakan TASKA, jenis-jenis latihan untuk meningkatkan kompetensi pengasuh serta langkah-langkah dan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk membendung kes penganiayaan kanak-kanak di TASKA.
11. Justeru itu, saya tidak berhasrat untuk memberi penerangan lanjut berhubung perkara ini.
12. **YB Senator Dr. Mohd Nor**, berhubung dengan pewujudan TASKA di pejabat-pejabat Kerajaan, sehingga 27 Ogos 2018, semua Ibu Pejabat Kementerian di Putrajaya telah mempunyai TASKA di Tempat Kerja dan dua Kementerian dalam peringkat cadangan dan penubuhan.

[Maklumat Tambahan]

Dua Kementerian yang masih dalam peringkat cadangan dan penubuhan adalah Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC) dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KTAS).

13. TASKA boleh dikendalikan oleh pengusaha sama ada dari swasta, majikan ataupun kesatuan pekerja. Garis panduan penubuhan TASKA boleh didapati dari laman web rasmi JKM.
14. Kementerian juga sedang menyemak insentif-insentif yang ditawarkan kepada syarikat swasta agar mereka lebih cenderung untuk menyediakan TASKA di tempat kerja.
15. **YB Senator Dato' Fahariyah**, statistik sehingga 30 Mac 2018, jumlah kanak-kanak di TASKA seramai 35,422 orang.

[MAKLUMAT TAMBAHAN]

Pendaftaran TASKA di bawah bidang kuasa KPWKM dan pendaftaran TADIKA di bawah KPM. Walaupun begitu, kebajikan kanak-kanak secara keseluruhannya turut dipantau di bawah Kementerian

16. JKM tidak menyediakan peruntukan atau geran penubuhan untuk TASKA. Walau bagaimanapun, pada tahun 2018 sebanyak RM3,000,000.00 diperuntukkan kepada Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak TASKA bagi TASKA Institusi dan TASKA di Rumah.
17. Selain itu, sebanyak RM2,816,000.00 diperuntukkan kepada 44 buah TASKA Komuniti sebagai Geran Operasi bagi TASKA Komuniti yang mengambil kanak-kanak dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM5,000.00 sebulan.
18. Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam hendaklah dimohon dan akan dibayar terus oleh Kementerian masing-masing bagi pendapatan isi rumah kurang daripada RM5,000.00 sebulan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 38 Tahun 2013.
19. Satu Jawatankuasa Khas bagi Mengawal Selia Secara Bersepadu Pertubuhan dan Operasi Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2016. Jawatankuasa Khas ini dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Pendidikan dan

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta diurusetiakan secara bersama oleh kedua-dua Kementerian.

20. Penubuhan Jawatankuasa ini bertitik tolak daripada senario pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang dikuatkuasakan di bawah akta yang berbeza dan dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta bukan kerajaan. Selain itu, terdapat juga institusi pendidikan awal kanak-kanak yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah enekmen kerajaan negeri masing-masing.
21. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mengawal selia, menyelaraskan dan mengumpulkan maklumat berkaitan institusi pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan Akta, Peraturan dan Garis Panduan sedia ada; dan
22. Merintis penubuhan badan khas yang mempunyai kuasa eksekutif untuk memantau pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak, menyelaraskan dan mengawal selia semua institusi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, tanpa meminggirkan hak dan tanggungjawab sedia ada setiap Kementerian dan Agensi yang

terlibat dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

23. Buat masa sekarang, Kementerian tidak melakukan sebarang unjuran bagi bilangan pelajar berumur dua (2) hingga enam (6) tahun yang akan berdaftar di TASKA. Seksyen 2 Akta TASKA 1984 menyatakan bahawa, “taman asuhan kanak-kanak” ertinya mana-mana premis yang menerima masuk empat (4) orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah.

ISU WANITA

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Kerajaan Untuk Membantu Serta Meningkatkan Bilangan Wanita Profesional Untuk Kembali Bekerja

24. Untuk makluman **YB Senator Dato' Ong dan YB Senator Puan Lim Hui Ying**, Portal FlexWorkLife.my telah dilancarkan oleh Talentcorp pada 8 Julai 2013 untuk membina jaringan antara majikan dan pekerja untuk mengoptimumkan integrasi antara kehidupan harian dan kerja serta meningkatkan kecekapan kerja. Portal ini merupakan repositori idea dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh majikan berkaitan aturan kerja anjal dan kemudahan mesra keluarga.

25. Selain daripada menyasarkan semua agensi Kerajaan untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja menjelang 1 Januari 2019, penjawat awam wanita juga diperuntukkan cuti bersalin bergaji sebanyak 360 hari sepanjang perkhidmatan. Manakala tujuh hari pula diperuntukkan untuk bapa yang bekerja sebagai penjawat awam. Di dalam Bajet 2018, Kerajaan telah mencadangkan untuk menambah cuti bersalin mandatori daripada 60 hari kepada 90 hari bagi sektor swasta.

Status terkini cadangan tersebut boleh dirujuk dengan Kementerian Tenaga Manusia (KTM).

26. **YB Senator Puan Lim Hui Ying**, Kementerian menyokong sebarang usaha untuk menyasarkan 30% wanita sebagai ahli parlimen kerana ia akan menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam bidang politik. Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender merupakan antara cadangan penubuhan jawatankuasa perintis yang dipilih berdasarkan hala tuju negara.

Inisiatif Kerajaan dalam Menghapuskan Diskriminasi dan Menangani Hak Kesamarataan

27. **YB Senator Dato' Ong dan YB Senator Puan Lim Hui Ying**, Kerajaan mengiktiraf bahawa peranan wanita dalam menyumbang kepada pembangunan negara adalah selari dengan lelaki. Justeru, mereka tidak patut didiskriminasikan dalam aspek sosial, ekonomi dan politik memandangkan prinsip kesaksamaan gender telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.
28. Justeru, wanita dalam tenaga kerja perlu diberi peluang yang sama dalam aspek gaji dan kenaikan pangkat. Oleh itu, sebarang

ketidaksaksamaan boleh dilaporkan kepada KTM untuk tindakan selanjutnya.

29. Kementerian sedang giat mengadakan sesi perundingan bagi membincangkan kerangka dan kandungan yang akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk digubal menjadi satu akta kesaksamaan gender. Pada masa ini, Kementerian telah mengadakan rundingan dan sesi perkongsian bersama Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Tenaga Manusia (KTM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Parlimen Malaysia, *Joint Action Group for Gender Equality* (JAG), National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) dan AGC.
30. Seterusnya, Kementerian akan mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada JAKIM, AGC, badan-badan keagamaan dan kerajaan-kerajaan negeri mengenai cadangan penggubalan akta khusus bagi menangani isu kesaksamaan gender.

Tindakan Kerajaan Berkaitan Penggubalan Undang-undang dalam Menangani Isu *Stalking* dan Gangguan Seksual Melalui Mesej Telefon atau Media Sosial

31. Untuk makluman **YB Senator Dato' Ong**, Kementerian prihatin terhadap keperluan perundangan baharu bagi membantu dan

melindungi masyarakat terutamanya golongan wanita dan institusi keluarga.

32. Akta Keganasan Rumah Tangga (Akta 521) telah dipinda pada tahun 2017 dan telah mengambil kira elemen *stalking* dalam pindaan tersebut.

33. Pindaan 2017 telah memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga untuk turut merangkumi tindakan pelaku berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau sebaliknya. Dengan memperluaskan tafsiran tersebut, secara tidak langsung pelaku boleh disabitkan dengan perilaku atau perbuatan yang mempunyai elemen *stalking* termasuk melalui mesej telefon atau media sosial seperti yang dinyatakan dalam Akta 521.

(Maklumat Tambahan: Peruntukan di atas adalah termaktub di bawah Seksyen 2 (a)(eb) “mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan”; dan Seksyen 2 (a)(ec) “berhubung dengan

mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;”)

Tuan Yang di-Pertua,

34. **YB Senator Dato' Haji Isa** bertanya berkenaan bilangan pendaftaran suri rumah bagi program i-SURI, sehingga 28 Ogos 2018, seramai 6,318 orang telah berdaftar. Bagi statistik orang asli pula, Kementerian masih sedang mendapatkan statistik mengikut pecahan terperinci.

(pendaftaran eKasih di bawah bidang kuasa ICU JPM)

ISU

KANAK-KANAK

Tuan Yang di-Pertua,

Isu-isu Perkahwinan Kanak-Kanak

36. Untuk makluman **YB Senator Puan Lim Hui Ying**, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun menjawab Pertanyaan bagi Jawab Lisan berkaitan perkahwinan kanak-kanak serta usaha-usaha Kerajaan bagi menangani masalah ini dalam Dewan ini pada 27 Ogos 2018.

(Maklumat Tambahan Kes 11 Tahun: Kertas siasatan PDRM termasuk laporan pemeriksaan perubatan kes kanak-kanak 11 tahun tersebut telah diserahkan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. JKM juga telah melihat aspek sosial kanak-kanak tersebut dan kanak-kanak didapati berada di dalam functioning family. Berdasarkan semakan dengan Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang pada 4 September 2018, tiada permohonan pengesahan perkahwinan dibuat oleh mana-mana pihak di Mahkamah.)

Rumah Perlindungan untuk Kanak-kanak yang menjadi Mangsa

37. **YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** telah membangkitkan isu berkenaan rumah perlindungan kanak-kanak. Kanak-kanak yang ditempatkan di tempat selamat atau Rumah Kanak-Kanak (RKK) adalah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan termasuk mangsa jenayah seksual atau penganiayaan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Kemasukan kanak-kanak ke RKK adalah melalui Perintah Mahkamah.
38. Sekiranya terdapat keganasan rumah tangga dan penganiayaan dalam perkahwinan tersebut, kanak-kanak yang terlibat juga boleh diberikan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 atau Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Isu-isu Sekolah Tunas Bakti

39. **YB Senator Puan Asmak**, Kementerian melalui JKM bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang memerlukan pemulihan di institusi. Sekolah Tunas Bakti (STB) adalah salah satu daripada institusi pemulihan kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Pada masa ini, terdapat sebanyak sembilan buah STB di seluruh negara

yang boleh menempatkan seramai 1,400 orang kanak-kanak pada satu-satu masa. Sehingga Jun 2018, seramai 941 orang kanak-kanak ditempatkan di STB.

40. **Memandangkan STB sedia ada di Pantai Timur (STB Jerantut, Pahang dan STB Marang, Terengganu) masih mampu menampung bilangan kemasukan kanak-kanak yang memerlukan pemulihan, JKM tiada perancangan untuk membina STB di negeri Kelantan pada masa ini.**
41. Sepanjang tempoh kanak-kanak ditempatkan di STB, kanak-kanak akan menjalani program termasuk kerohanian.
42. Justeru, dari aspek kerohanian, kanak-kanak akan mengikuti program pengajaran dan pembelajaran berkaitan bidang akidah, ibadah dan akhlak. Bagi kanak-kanak yang beragama Islam, mereka wajib mengikuti program dan kelas agama. Mereka juga akan ke masjid untuk solat Jumaat.
43. Manakala bagi kanak-kanak yang bukan beragama Islam, mereka juga akan mengikuti program keagamaan mengikut agama

masing-masing termasuk dibawa ke kuil, tokong atau gereja. Aspek pendidikan moral turut dilaksanakan.

44. Lain-lain bentuk pemulihan yang disediakan kepada kanak-kanak di institusi adalah seperti berikut :
- a. Akademik – kanak-kanak diberi peluang untuk bersekolah mengikut aliran perdana sama ada di sekolah luar atau sekolah yang disediakan di dalam institusi;
 - b. Kemahiran dan Vokasional – Disediakan kepada kanak-kanak sebagai bekalan kepada mereka dengan kemahiran tertentu untuk dijadikan jaminan hidup apabila keluar dari institusi kelak. Antara bidang kemahiran/ vokasional yang disediakan adalah seperti automotif, pendawaian elektrik, kimpalan, batu bata, bakeri, jahitan, pertukangan, pertanian dan landskap; dan
 - c. Aktiviti Ko-kurikulum – disediakan dalam bentuk rekreasi bagi tujuan untuk meningkatkan semangat juang, jati diri dan bekerja secara berpasukan dalam diri kanak-kanak

Isu Kanak-Kanak berkeliaran disebabkan Ibu Bapa Bermasalah dan Dibuang Sekolah

45. **YB Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi**, kanak-kanak yang didapati ditinggalkan tanpa pengawasan yang sewajarnya atau diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Orang awam yang mempunyai maklumat mengenai kanak-kanak sebegini boleh melaporkan kes tersebut kepada pihak JKM untuk tindakan segera. JKM akan melakukan siasatan, termasuklah menemu ramah ibu bapa dan komuniti setempat untuk membuat pengesahan. Jika didapati tiada tindakan perlindungan diperlukan, JKM akan melakukan intervensi yang bersesuaian seperti kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga.

[Maklumat tambahan: Sekiranya seseorang kanak-kanak digantung sekolah atau dibuang sekolah, KPM menyediakan saluran rayuan bersekolah semula kepada ibu bapa murid tersebut melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Pihak PPD dan JPN bertanggungjawab memastikan murid tersebut ditempatkan semula sama ada di sekolah yang sama atau yang lain.]

ISU-ISU LAIN

- **Kekeluargaan / Keibubapaan**
- **Warga Emas**

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan untuk Mengadakan Kursus Keibubapaan secara Sukarela

46. Kementerian menyambut baik saranan daripada **YB Senator Dr. Mohd Nor** mengenai cadangan mengadakan kursus keibubapaan secara sukarela.

47. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan kursus berkaitan keibubapaan di seluruh negara. Pada tahun 2017 dan sehingga Jun 2018, LPPKN telah mengadakan sebanyak 243 kursus yang memberi manfaat kepada 7,334 peserta. Kursus yang dianjurkan ini adalah terbuka kepada umum dengan tertakluk kepada fi dan caj minimum kepada peserta.

48. LPPKN juga menjalin kerjasama dengan pihak NGO untuk menyebarkan pendidikan kekeluargaan. Pada tahun 2017 sehingga Jun 2018, sebanyak 76 NGO telah diluluskan peruntukan bagi melaksanakan 120 program kepada kumpulan sasaran.

49. Pengisian program dan kursus ini adalah berkaitan kekeluargaan, keibubapaan, persediaan perkahwinan dan pemantapan perkahwinan. Seramai 18,250 peserta telah mendapat manfaat.

[Maklumat Tambahan: Setakat ini belum ada negara yang melaksanakan sepenuhnya kursus keibubapaan secara berwajib melalui penguatkuasaan undang-undang kepada umum. Pada masa ini kursus keibubapaan secara berwajib hanya dilaksanakan atas perintah mahkamah kepada ibu bapa yang didapati melakukan pengabaian di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, iaitu diarahkan menghadiri Bengkel interaktif.

Bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001. Penglibatan ibu bapa atau penjaga dalam bengkel ini seperti menghadiri sesi kaunseling individu, kaunseling keluarga dan kursus keibubapaan dalam membincangkan permasalahan sosial anak-anak mereka amat penting terutama dalam meningkatkan hubungan di antara ibu bapa dengan kanak-kanak.]

Penambahbaikan Kerajaan terhadap Kemudahan, Perkhidmatan, Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas Selari dengan Manifesto

50. Bagi menjawab pertanyaan **YB Senator Tuan Chandra Mohan**, Kementerian sedang menyemak semula dan meminda Pelan Tindakan Warga Emas Negara bagi tempoh 2018–2030, yang mana keperluan tersebut adalah berdasarkan kepada penemuan Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas di Malaysia menjelang 2030 yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia pada tahun 2017. Berdasarkan kepada keperluan semasa serta cadangan daripada kajian tersebut, beberapa program atau tindakan baru telah dimasukkan dalam draf pelan tindakan tersebut agar ia kekal relevan dalam menghadapi isu dan cabaran penuaan. Di antaranya adalah:

- a. meningkatkan penglibatan *Community-Based Organisations* (CBO), NGO dan sektor swasta melalui tanggungjawab sosial korporat dalam program pembangunan warga emas;
- b. membangunkan dan melaksanakan Pelan Pembangunan Strategik Kebangsaan: Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas di Malaysia; dan

- c. mengkaji pemberian insentif kewangan kepada penjaga warga emas yang sah di rumah.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua,

51. Sekali lagi, terima kasih kepada semua Ahli YB Senator kerana telah menyatakan keprihatinan, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas. Kementerian ini menerima segala cadangan dan teguran secara terbuka, serta akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input berkenaan.

52. Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua Ahli YB Senator untuk terus menyokong usaha-usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dan semua rakyat menerima faedah dan terus dilindungi demi kesejahteraan Negara.

Sekian, terima kasih.